



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Bolehkah Menyuci Jilatan Anjing dengan Sabun?

Ahmad Muhammad Hāshim Sabak Bernam Selangor bertanya:

Jilat anjing pada bakan iti, menurut hukumnya hendaklah dibasuh (sertu) tujuh kali, satu kali di antaranya dengan tanah. Perintah dikeluarkan pada zaman Nabi seribu tiga ratus tahun lebih. Sekarang telah ada barang-barang menyuci seperti sabun dan seumpamanya maka saya fikir tidakkah hadis itu boleh mansuh sebab dengan benda-benda baharu itu terjamin akan kebersihan daripada bekas jilatan anjing itu. Bagaimana pendapat tuan dalam hal ini?

Jawab: Sebelum menjawab soal ini molek di sini di bawa perhatian tentang perintah-perintah agama. Perintah-perintah agama itu tidak sama sifatnya kerana ada perintah yang maknanya tidak ma'qul, yang alatnya yakni maksud dan tujuannya atau sebabnya tidak diterangkan oleh yang memerintah itu (*shari'at*) sedang cara mengamalkannya. Perintah itu diatur dan ditetapkan oleh shara' sendiri (baik dengan nas al-Quran atau pun dengan sunnah Rasul). Perintah-perintah yang sedemikian itu seperti sembahyang, puasa, haji dan seumpamanya yang termasuk di dalam golongan *din* (agama) yang kita harus baikkkan kepada Rasul yakni kita terima dengan tidak ada soal jawabnya, kita amalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh *shari'at*, yang memerintah itu. tidak ada hak bagi kita mengubah, menambah atau mengurangi dengan perasaan atau akal kita sendiri. Di dalam "*din*" atau 'ibadah itu,

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

semuanya dilarang, kecuali yang telah disuruh.


Sebaliknya ada pula perintah-perintah itu ma'qul maknanya dan cukup pula keterangan-keterangan agama yang menunjukkan alatnya. Perintah yang demikian ini seperti menutup aurat, perintah berbakti kepada kedua ibu bapa dan seumpamanya, yang walaupun asalnya daripada agama tetapi cara menjalankannya tidak ditetapkan oleh agama, diserahkan kepada kita asalkan boleh mencapai yang dimaksud oleh perintah agama itu, mengikut yang sesuai dengan "*din*" atau zaman masing-masing. Dzat perintah itu bersifat "*din*" sedang cara mengamalkannya bersifat "*duniyawi*".

Soal yang terbit di atas ini mengingatkan kita kepada perkara yang telah terjadi di Indonesia di dalam mana Sukarno (sekarang Presiden Sukarno) yang telah menggunakan faham merdekanya telah menulis suatu istilah tentang ini dengan katanya:

"Pada suatu hari saya punya anjing menjilat air di dalam panci (periuk-P) di dekat sumur. Saya punya anak Ranta Jawami berteriak: bapa, bapa, si Ketuk (anjing-P) menjilat air di dalam panci".

Saya jawab: "Buanglah air itu dan cucilah panci itu beberapa kali bersih-bersih dengan sabun dan klorin".

Ratna terminum sebentar, kemudian ia bertanya "Tidakkah Nabi bersabda bahawa panci ini mesti dicuci tujuh



“Taj Mahal” Cogan Kebudayaan Islam di India yang masyhur.

kali, antaranya satu kali dengan tanah?”

Saya menjawab: “Ratna di zaman Nabi belum ada sabun dan klorin. Nabi pada masa itu tidak dapat memerintah orang memakai sabun dan klorin”.

Muka Ratna menjadi terang semula! Malam itu ia tidur dengan wajahnya tersenyum seperti muka orang yang mendapat bahagia yang besar”. (Dipetik dari Panji Islam 1941).

Kita berpandangan bahawa hampir serupa dengan soal yang tersebut di atas jika benar pendapatan kita soalan yang demikian ini tidak ada suatu mani’ pun yang mengharuskan kita menyalahi hadis itu dengan menggantikannya dengan sabun atau klorin atau pun ubat anti septik yang boleh membunuh hama-hama sebab alat kepada tegahan

itu tidak diberi.

Jika di dalam perkara mengharuskan berubat begitu yang dijadikan alat kerana sebab-sebab ada hama yang hendak dibunuh dan dengan keyakinan ubat itu, dengan keterangan-keterangan yang nyata buat membunuh hama maka alat yang demikian boleh pula nanti digunakan kepada menghalalkan daging babi yang diberi pendapatan oleh “ akal merdeka” sebab-sebab diharamkan ubat atau segala-galanya agama kerana ada nama-nama yang dengan kekuatan ubat atau segala-galanya boleh pun dibunuh.

Dengan sebab itu maka jika hendak membahas perkara ini pada segi agama hendaklah dahulu kita menentukan adakah ia termasuk perintah-perintah agama yang tidak ma’qul yakni yang alatnya tidak diterangkan atau pun ia termasuk di dalam bahagian ma’qul yang alatnya (sebabnya) diberi.

Menurut pedapaatn kita bahawa yang demikian ini adalah suatu hukum (*dīn*) yang diperintahkan dengan tidak diterangkan alatnya oleh syarak. Kerana itu wajib bagi kita menjalankan perintah-perintah itu sebagaimana yang diperintahkan oleh hadis Rasulullah (SAW) yang memerintahkan kita menyerutunya.

Molek benar di sini disertakan jawapan Tuan Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi, di dalam Panji Islam, 1941 juga menjawab Sukarno di dalam perkataan yang tersebut di atas dengan katanya:

Anak saya datang mengatakan : “Bah! Si Kumbang (anjing-P) menjilat panci. Cukupkan kalau dicuci dengan sabun atau klorin itu sahaja?”.

Saya jawab: “Sekadar menjaga kebersihan kita, itu sudah cukup. Akan tetapi untuk menyempurnakan satu suruhan agama yang harus kita terima dengan *ta'abbudī* dalam hal ini cucilah panci pakai tanah satu kali dan lindungi dengan air bersih-bersih sampai enam kali, sekarang bila kluatir, kalau pada bekas jilatannya itu ada hama, cuci pulalah sekali dengan lagi dengan nisul atau klorin atau sejenis seumpamannya. “Anak saya pun tidur pada malamnya dengan lelapnya dan mukanya berseri-seri kerana perasaan kebersihannya mengikut pada zaman sekarang sudah dipuaskan dengan caea yang dimerdekakan oleh agama melakukannya. Sedang cara yang sebaliknya itu ia telah menyempurnakan satu perintah *'ubudiyah* terhadap Tuhannya dengan cara yang telah diterangkan oleh Rasulullah (SAW). “Maha sucilah Tuhan yang Mengetahui akan apa yang zahir dan apa yang ghaib dari awal dan pancaindera hamba-hamba-Nya.”

Kita berpendapatan sekarang telah jelas soalnya dan kerana itu mengsyurakan janganlah di dalam perkara agama itu digunakan akal untuk sesuatu perkara yang diperintahkan sebab jika akal digunakan banyak pula

perkara-perkara lain yang terkait yang tidak diterima akal untuk kita mengerjakannya pada hal ia suatu perintah agama yang tidak boleh ditolak.

Karangan Bunga

M.M Shajak, Tanjung Piang, Perak bertanya: ada setengah-tengah orang Islam meletakkan karungan bunga di atas kubur atau jenazah (sebagai tanda kehormatan?) terutamanya di atas kubur pahlawan-pahlawan atau pemimpin-pemimpin besar. Adakah Nabi kita melakukan demikian?

Jawab: tidak ada satu pun keterangan yang didapati yang menunjukkan Rasulullah (SAW) ada melakukan pekerjaan yang semacam itu.

Aqiqah

Yūsuf bin Arshad, Kampung Tengah dan Abdul Aziz Ulu Beranang, Broga Negeri Sembilan dan beberapa orang lagi telah mendatangkan beberapa pertanyaan yang mngenai tentang aqiqah.

Jawabnya: Sebelum menerangkan beberapa keterangan tentang perkara ini makamolek benar ditarik perhatian pembaca-pembaca yang bertanya tentang beberapa kepercayaan yang ada di sekeliling kita tentang aqiqah itu. Sebahagian daripada kepercayaan orang-orang kita tentang ini ialah bahawa anak yang telah mati sudah diaqiqahkan itu nanti di akhirat akan naik kambing yang diaqiqahkan baginya bagi menyambut kedua ayah dan bondanya di pandang mahsyur. Sambil membawa segelas air dalam masa keduanya sangat dahaga. Dengan kepercayaan inilah anak itu diaqiqahkan oleh kedua ibu bapanya.

Ada pula sebahagiannya mengatakan ialah kalau anak itu diberi aqiqah adalah ia nanti akan memberi shafā'at kepada kedua ibu bapanya.

Demikianlah tentang kepercayaan-kepercayaan yang biasa didengar tentang

aqiqah itu tentang ini kita belum pernah mendengar ada keterangan daripada al-Quran atau daripada hadis yang menerangkan tentang betulnya kepercayaan ini. Mudah-mudahan ada ulama yang gemar memberi keterangan tentang kebenaran yang tersebut, jika ada, supaya menjadi panduan kepada umum.

Sepanjang ada hanyalah hukum mengadakan aqiqah itu hanya suatu pekerjaan yang sunat sahaja dan daripada dua hadis yang sahih satu hadis sahih yang tersebut di bawah ini dapatlah tuan memerhatikan tentang bila masa sunnahnya beraqiqah itu.

“Amru bin al-‘Ās berkata: Nabi (SAW) ada bersabda: “Barangsiapa suka menaqiqahkan anaknya maka kerjakanlah”. (Maksud hadis Hassan riwayat Ahmad, Abū Dāwud dan al-Nasā’ī).

“Aisyah berkata: “Nabi (SAW) pernah aqiqahkan untuk Hassan dan Husīn pada hari yang ketujuhnya”. (Maksud hadis sahih riwayat Ibn Hibbā, Hākim dan al-Bayhaqī).

“Samrah berkata: Nabi (SAW) telah bersabda: tiap-tiap anak itu bertanggung dengan aqiqahnya yang disembelih kerananya pada hari ketujuhnya dan pada hari itu ia


diberi nama dan dicukur kepalanya” (Maksud hadis sahih riwayat Abū Dāwud, Tirmidhī, al-Nasā’ī, Ibn Mājah, Bayhaqī dan al-Hākim).

Inilah hadis-hadis yang terang menunjukkan bahawa sunat aqiqah itu pada tujuh hari umur anak itu dan sudah itu tidak termasuk sunat lagi sedang anak-anak yang mati sesudah atau sebelum umurnya tujuh hari tidak payah diaqiqahkan lagi. Sekianlah yang dapat kita memberi keterangan.

Harta si Mati

Muhammad ‘Ārifīn ‘Abdul Rahman, Kampung Perigi, Jeselton Borneo bertanya: “Geran tanah nama orang yang sudah mati, adakah bertanggung baginya jika tidak dikeluarkan zakatnya oleh orang yang masih hidup?”

Jawab: orang yang telah mati itu tidak menanggung lagi harta-harta yang ditinggalkan olehnya kerana harta-harta itu telah terpulang kepada waris atau pun kepada wasiatnya. Dengan demikian jika warisnya atau wasiatnya tidak mengeluarkan zakatnya (jika ia wajib zakat) adalah tanggungan mereka kerana harta-harta itu bukan lagi hak si mati



Istana “Ra’s al-Tīn” sebuah istana yang indah di Iskandariyah. Dari istana inilah bekas

Raja Farouk telah turun meninggalkan Mesir buat selamanya.